

PEMIKIRAN BAHARU
**Utusan
Malaysia** 85
1959-2024
Meneruskan
legasi kewarganegaraan

24 Oktober 2024



Belanjawan 2025: JAKOA Pahang mohon RM20 juta

BENTONG: Lapan etnik Orang Asli terbesar di Pahang memohon peruntukan RM20 juta dalam Belanjawan 2025 supaya lebih ramai dapat menikmati kek ekonomi negara.

Pengarah Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) Pahang, Johari Alwi berkata, pada Belanjawan 2024, sebanyak RM12 juta diluluskan untuk projek infra, sosial, rumah, rawatan air, ekonomi, usahawan dan modal insan.

Menurutnya, sehingga pertengahan Oktober lalu, sebanyak 95 peratus peruntukan telah dibelanjakan, namun masih banyak lagi permohonan Orang Asli tertangguh kerana kekurangan dana.

“Kita berharap Belanjawan 2025 dapat menambah peruntukan kepada masyarakat Orang Asli.

“Pada pembentangan Belanjawan 2024, Anwar meluluskan peruntukan sebanyak RM333 juta untuk masyarakat Orang Asli di seluruh negara dan RM12 juta disalurkan kepada JAKOA Pahang,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada Utusan Malaysia selepas meninjau projek kebun sayur kacang botol milik Darwis Wong Ting Loi yang menerima bantuan input pertanian sebanyak RM3,000 di Kampung Orang Asli Sungai Lebak di sini, semalam.

Jelasnya, peruntukan besar diperlukan pada 2025 supaya kira-kira 200,000 Orang Asli yang mendiami lebih 400 kampung di Pahang berpeluang menerima manfaat.

Beliau berkata, peruntukan tahunan kerajaan kepada JAKOA Pahang antara RM8 hingga RM12 juta setahun banyak memberi kesan positif terhadap kemajuan kehidupan Orang Asli.

Menurutnya, antara segmen pembangunan dilaksanakan ialah projek rawatan air bersih melibatkan 30 perkampungan besar Orang Asli dari lapan daerah antaranya Pekan, Rompin, Lipis, Temerloh dan Maran.